

BENGKEL FOTOGRAFI DSLR – SUNTINGAN FOTO

TARIKH: 21-22 NOVEMBER 2011

TEMPAT: HOLIDAY VILLA SUBANG

SINOPSIS

Teknologi digital membolehkan ramai penggemar fotografi dapat menceburi bidang ini dengan lebih mendalam. Keupayaan dan keunikan paparan imejan langsung meningkatkan lagi keterujaan pengguna terhadap kamera digital. Ini juga telah memberi banyak faedah kepada profesional dan amatir dalam menghasilkan karya yang indah dan menarik. Bengkel ini boleh dijadikan sebagai batu loncatan mereka yang ingin meningkatkan lagi kemahiran di dalam bidang fotografi DSLR kerana mereka akan didedahkan dengan asas-asas penting untuk suntingan foto. Kemahiran yang bakal diperolehi di harap dapat membantu para peserta meningkatkan minat mereka terhadap bidang fotografi.

METODOLOGI

Bengkel ini akan dikendalikan dalam Bahasa Malaysia, di mana ia akan merangkumi teori dan praktikal untuk pembelajaran yang lebih interaktif dengan nota-nota yang komprehensif.

KEPERLUAN BENGKEL

Setiap peserta dikehendaki membawa sendiri kamera digital SLR beserta lensa "kit" dan *flash* tambahan untuk mendapat manfaat sepenuhnya sepanjang bengkel. Para peserta di harap telah mempunyai kemahiran menggunakan *Aperture-Priority* atau cara manual untuk kamera digital SLR.

SASARAN PESERTA

Pegawai fotografi, pereka grafik, ahli fotografi, juruteknik, pembantu teknik, juruaudio visual, pembantu tadbir, pembantu am pejabat dan individu yang terlibat dalam kerja-kerja fotografi dari sektor awam dan swasta.

FASILITATOR

Ir. Mohamad Fahrurrazi Kamaludin berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Elektrikal dari Vanderbilt University, Amerika Syarikat. Beliau telah menceburi bidang fotografi sebagai penggemar tegar sejak tahun 2002. Pengalaman yang luas selama 9 tahun dalam bidang ini membolehkan beliau memberi tunjuk ajar kepada peminat fotografi menggunakan kaedah spontan di dalam forum internet selain mempunyai blog sendiri iaitu *thru-the-zuiko.blogspot.com* yang telah diiktiraf oleh Olympus Malaysia sebagai satu sumber untuk penggemar fotografi mendapat tip yang praktikal. Dengan cara penulisan yang bersahaja, beliau telah diberi kepercayaan oleh Olympus Malaysia untuk menulis *review* terhadap dua kamera DSLR di dalam blognya iaitu dua model terbaru E-30 and E-P1. Gaya fotografi beliau adalah bertemakan kehidupan seharian dengan tumpuan terhadap teknik fotojournalisma. Pemahaman dan kemahiran beliau yang mendalam mengenai teknik dan teknologi fotografi membolehkan beliau memberi lebih tumpuan dan tunjuk ajar sepenuhnya kepada peserta.